

Diterbitkan Setiap Bulan

ZOOM TANI



JABATAN PERTANIAN SABAH

OGOS 2025



**MAJLIS PERASMIAN
HARI TERBUKA
PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN
TUARAN**



JABATAN PERTANIAN SABAH

Hak cipta terpelihara

Diterbitkan oleh:

JABATAN PERTANIAN SABAH

Kementerian Pertanian, Perikanan dan
Industri Makanan Sabah,
Aras 1, 5, 6, 7, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Tasik,
Luyang Off, Jalan Maktab Gaya,
Bag Berkunci 2050, 88632 Kota Kinabalu,
SABAH, MALAYSIA.
Tel: 088283283/282 | Faks: 088239046



Sidang Redaksi

PENASIHAT

DATUK Ts. JIFRIN HAJI MOHAMAD

KETUA EDITOR

HJH. SURAYA HJ. JUBAHAR

EDITOR I

VIVIANA BINTI LASIMIN

EDITOR II

FIDELIA JOHNY

PENULIS

JANET EBER
NATILAH BINTI ABD. RASID

REKABENTUK GRAFIK & PERCETAKAN

SUZYIANNA BINTI TAMIN

JURUGAMBAR

MARCELLUS MAURICE
MOHD. FAEZ AL HAMIDI
MOHD. HISYAM BIN YASSIN
AZIZY AZURIADI BIN JAHID

PENJILIDAN / PENGAGIHAN

ROZLEE AHMIT

Dicetak oleh:

SEKSYEN PENERANGAN PERTANIAN (IBU PEJABAT)

Bahagian Operasi & Latihan, Jabatan Pertanian Sabah,
Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah,
Aras 1, Wisma Pertanian Sabah,
88632 Kota Kinabalu,
SABAH, MALAYSIA.

Tel: 088-283252 | Faks: 088283252



ISI KANDUNGAN

- 1** SAMBUTAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) TAHUN 2025
- 3** MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANG TAHUN KE-6 MaSDa
- 4** MAJLIS PELUNCURAN PENAMAAN AVOCADO QAV1 KEPADA AVOCADO QUOIN SABAH
- 5** PROGRAM PEMBANGUNAN TANAMAN - PENYERAHAN BAJA DAN INPUT PERTANIAN (Projek Pembangunan Tanaman Kelapa Tahun 2025)
- 6** PENYERAHAN SURAT PERTUKARAN PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q12
- 7** PENGLIBATAN JABATAN DALAM PAMERAN SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH PEKAN BAHARU PAGINATAN
- 8** PENGLIBATAN SEBAGAI PESERTA DALAM PERSIDANGAN PADI KEBANGSAAN 2025
- 9** BENGKEL DI BAWAH ANJURAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
- 10** NATIONAL COCONUT SEMINAR 2025 (NCS2025)
- 11** KUNJUNGAN HORMAT DATUK PENGARAH KEPADA YANG BERTHORMAT MENTERI KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH MENGENAI TAKLIMAT HARI TERBUKA PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN DI PEJABAT YANG BERTHORMAT MENTERI
- 12** PENGLIBATAN JABATAN DALAM PAMERAN SEMPENA PESTA LABUK BELURAN 2025
- 13** "TRAINING WORKSHOP ON MOLECULAR DIAGNOSTIC OF SOUTH AMERICAN LEAF BLIGHT (SALB) OF RUBBER FOR ASIA AND PACIFIC REGION 2025"
- 14** SEGMENT PERKONGSIAN: "PETANI LOKAL, IMPAK GLOBAL" DARIPADA PENGARAH PERTANIAN SABAH DATUK TS. JIFRIN HAJI MOHAMAD
- 15** TAKLIMAT PENGUKUHAN PERJAWATAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN NEGERI SABAH
- 16** SIMPOSIUM BIOKESELAMATAN SEMPENA KEPENGERUSIAN ASEAN 2025 DI SHAH ALAM
- 17** KURSUS TRANSFORMASI TEKNOLOGI TANAMAN KOPI DAERAH KOTA BELUD
- 19** HARI BERTEMU PELANGGAN JABATAN PERTANIAN DAERAH TAWAU
- 20** PENGLIBATAN JABATAN DALAM PAMERAN & JUALAN SEMPENA PROGRAM RAMAH MESRA KOMUNITI
- 21** LAWATAN YB DATUK PETO GALIM PEMBANTU MENTERI II KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH KE PLOT PENYELIDIKAN PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN
- 22** MAJLIS PERASMIAN HARI TERBUKA PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN
- 24** LAWATAN KERJA RASMI DATUK PENGARAH BERSAMA ROMBONGAN KE TAWAU
- 26** KUNJUNGAN RASMI BAHAGIAN BELANJAWAN DAN KEWANGAN JABATAN PERHUTANAN SABAH KE SEKSYEN KEWANGAN
- 27** MESYUARAT MAJLIS JURUANALISIS MAKANAN MALAYSIA BIL. 2/2025
- 29** PROGRAM LARIAN MERDEKA 2025
- 30** MAJLIS JASAMU DIKENANG PUAN ROSNI LEONG
- 31** PENGLIBATAN JABATAN PERTANIAN SABAH SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-68 DAN HARI SABAH KE-62



SAMBUTAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) TAHUN 2025



1-3 Ogos 2025 (Jumaat-Ahad) Bersamaan 7-9 Safar 1447 H, Kota Kinabalu:

Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) bagi tahun 2025 telah diadakan selama tiga hari bermula 1 hingga 3 Ogos bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC) Kota Kinabalu dengan tema 'Kudrat Kami Menjamin Pertiwi' sempena ulang tahun ke-50 penganjurannya.

Penglibatan Jabatan Pertanian Sabah sepanjang penganjuran HPPNK ini termasuklah pameran bagi Segmen Tanaman & Agropelancongan yang berlangsung di Pavilion Sabah, Penjualan Bahan Tanaman yang berlangsung di Segmen Jualan Agro Madani dan Pameran bagi Segmen Padi bertempat di Laman Padi.

Jabatan juga menerima cek cura Penyerahan Geran Agropelancongan yang diwakili oleh Puan Janet Grace Asing (Penolong Pengarah Pertanian, Seksyen Pembangunan Usahawan dan Industri Makanan) dan menerima cek cura bagi Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan tahun 2025 iaitu Program Mengoptimumkan Penggunaan Tanah dengan Kerjasama Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang diwakili oleh Encik Jackson R. Jaimi, Timbalan Pengarah Pertanian (Bahagian Pengembangan dan Pembangunan Industri Makanan), Puan Hjh. Suraya Hj. Jubahar, Timbalan Pengarah Pertanian (Bahagian Operasi dan Latihan) dan Puan Rusnani Hj. Ahmad, Penolong Pengarah Pertanian (Seksyen Pembangunan Industri Tanaman).

Jabatan turut terlibat dalam segmen *Pocket Talk* iaitu bicara santai yang diwakili oleh Puan Jovita N. Joseph, Penolong Pengarah Pertanian (Seksyen Biosekuriti & Kuarantin tumbuhan), Encik Jutom Ongkosing, Penolong Pengarah Penyelidik (Pusat Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun) dan Encik Jain Linton, Penolong Pengarah Penyelidik (Pusat Penyelidikan Pertanian Lagud Sebrang, Tenom).

Majlis Perasmian Penutupan telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. Yang Amat Berhormat turut berkesempatan singgah di hadapan pameran.



MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANG TAHUN KE-6 MaSDa

2 Ogos 2025 (Sabtu) Bersamaan 8 Safar 1447 H, Inanam:

Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun ke-6 Persatuan Pengusaha Durian dan Buah-buahan Tropika Sabah (MaSDa) (*Sabah Durian and Tropical Fruit Planters Association*) telah diadakan di Ibis Hotel Inanam Taipan, Kota Kinabalu.

Dif-dif kehormat yang hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah, YBhg. Datuk Leonard Stephen Poyong, Pengarah Jabatan Pertanian Sabah YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad, Pengarah Tourism Malaysia Sabah, Puan Haryanti Abu Bakar, Datuk Jamawi Jaafar dan Pengurus Besar Sabah Softwoods, Encik Chun Hong Choon. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Pengarah Pertanian, Encik Jackson R. Jaimi, Presiden MaSDa Encik Duane Evans, tetamu jemputan dan ahli-ahli MaSDa.

Berbagai acara dianjurkan dengan jayanya iaitu penyampaian lagu oleh pelajar SMK Advent, Tamparuli, anugerah cemerlang (pendidikan, pengusaha muda, agropelancongan, komuniti impak dan pengusaha terbaik), sijil penghargaan kepada AJK dari tahun 2019-2025, cabutan bertuah dan tarian "Boney-M" daripada AJK.



MAJLIS PELUNCURAN PENAMAAN AVOCADO QAV1 KEPADA AVOCADO QUOIN SABAH



3 Ogos 2025 (Sabtu) Bersamaan 8 Safar 1447 H, Kota Kinabalu:

Avocado QAV1 merupakan varieti hasil penyelidikan daripada Jabatan Pertanian Sabah. Sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) yang ke-50 tahun, Majlis Peluncuran Penamaan Avocado QAV1 kepada Avocado Quoin Sabah telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Timbalan Ketua Menteri 1 / Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah. Yang Berhormat Menteri menyerahkan buah *Avocado Quoin* Sabah kepada Yang Berhormat Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom, Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak sebagai simbolik penyempurnaan penamaan varieti baharu tersebut.

Turut hadir ialah Yang Berbahagia Datuk Leonard Stephen Poyong, Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah; Yang Berbahagia Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad, Pengarah Pertanian Sabah; dan Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah.

Yang Berbahagia Datu Sirai Anak Daha, Setiausaha Tetap Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, beserta Yang Berbahagia Tuan Dominic Anak Chungat, Pengarah Pertanian Sarawak, turut hadir mewakili rombongan negeri Sarawak.

Jabatan Pertanian Sabah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Encik Duane Evans, Pengerusi *Sabah Durian & Tropical Fruit Planters Association* (MaSDa), dan semua ahli MaSDa kerana berusaha memajukan dan meningkatkan hasil pengeluaran tanaman avocado khususnya di negeri Sabah.

PROGRAM PEMBANGUNAN TANAMAN - PENYERAHAN BAJA DAN INPUT PERTANIAN (Projek Pembangunan Tanaman Kelapa Tahun 2025)



Seramai lima orang peserta Penerima Projek Pembangunan Tanaman Kelapa Tahun 2025 dalam program tersebut

7 Ogos 2025 (Khamis) Bersamaan 13 Safar 1447 H, Sandakan:

Satu Program Pembangunan Tanaman iaitu Penyerahan Baja dan Input Pertanian bagi Projek Pembangunan Tanaman Kelapa Tahun 2025 telah diadakan di Batu 16, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Gum-Gum.

Program ini bertujuan untuk mengagihkan baja dan input pertanian kepada peserta yang telah diluluskan di bawah Projek Pembangunan Tanaman Kelapa Tahun 2025. Ia juga bertindak sebagai platform untuk memberi penerangan ringkas berkaitan kaedah penggunaan input serta pemantauan projek.

Seramai lima orang peserta Penerima Projek Pembangunan Tanaman Kelapa Tahun 2025 hadir dalam program tersebut. Turut hadir Encik Ahmad Kandung, Pegawai Pertanian Daerah Sandakan selaku penyampai taklimat program, Encik Mohd. Rhymie bin Ahmad, Penolong Pegawai Pertanian (Unit Pembangunan), Puan Rozitah Gulis, Penolong Pegawai Pertanian (Unit Pengembangan), Penyelia TKPM (Stesen Gum-Gum), Juruteknik Pertanian Wilayah 1, Juruteknik Pertanian Wilayah 2, Juruteknik Pertanian Wilayah 3, Unit Pentadbiran (Stor) dan lima orang kakitangan Stesen Gum-Gum.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan mengikut perancangan. Diharapkan agar input yang diberikan dapat digunakan dengan sebaiknya oleh para peserta projek pembangunan tanaman kelapa 2025 bagi memastikan kejayaan Projek tersebut. Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.

PENYERAHAN SURAT PERTUKARAN PEGAWAI PENYELIDIK GRED Q12



JABATAN PERTANIAN SABAH



Encik Jakim bin Barin daripada Pusat Penyelidikan Pertanian Lagud Sebrang, Tenom ke Pusat Penyelidikan Pertanian Quoin Hill, Tawau

11 Ogos 2025 (Isnin) Bersamaan 17 Safar 1447 H, Ibu Pejabat:

YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad, Pengarah Pertanian Sabah, telah menyerahkan surat pertukaran kepada Encik Jakim bin Barin di Bilik Mesyuarat Pengurusan, Aras 5, Wisma Pertanian Sabah. Encik Jakim akan bertukar daripada Pusat Penyelidikan Pertanian Lagud Sebrang, Tenom, ke Pusat Penyelidikan Pertanian Quoin Hill, Tawau, dengan menyandang jawatan Pegawai Penyelidik Gred Q12 selaku Pegawai Penguasa, berkuat kuasa pada 18 Ogos 2025.

Turut hadir dalam sesi penyerahan tersebut ialah ChM. Puan Alinah Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Pertanian (Bahagian Inovasi dan Penyelidikan), Encik Jackson R. Jaimi, Timbalan Pengarah Pertanian (Bahagian Pengembangan dan Pembangunan Industri Tanaman), Encik Salahudin bin Maili, Pegawai Penyelidik Kanan (Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran), Puan Nur Diyana Yusoff, Pegawai Penyelidik Kanan (Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran) dan Puan Noor Shafareena binti Hamansa, Pegawai Pertanian Kanan daerah Tuaran.

PENGLIBATAN JABATAN DALAM PAMERAN SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PECAH TANAH PEKAN BAHARU PAGINATAN

12 Ogos 2025 (Selasa) Bersaman 18 Safar 1447 H, Ranau:

Jabatan Pertanian daerah Ranau yang diwakili oleh Encik Kelvin Kalianon (Pegawai Pertanian Kanan) telah terlibat dengan Pameran dan Jualan sempena Majlis Pelancaran Pecah Tanah Pekan Baharu Paginatan yang telah diadakan di Dewan Terbuka Tugu Nunuk Ragang, Ranau yang disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

Antara aktiviti pameran dan jualan yang disertai oleh Pejabat Pertanian daerah Ranau adalah jualan bagi produk hiliran pengusaha IMAT bimbingan Jabatan dan promosi mengenai pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP).



Pejabat Pertanian daerah Ranau adalah jualan bagi produk hiliran pengusaha IMAT bimbingan Jabatan dan promosi mengenai pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia myGAP).

PENGLIBATAN SEBAGAI PESERTA DALAM PERSIDANGAN PADI KEBANGSAAN 2025



12-14 Ogos 2025 (Selasa-Khamis) Bersamaan 18-20 Safar 1447 H, Webinar:

Persidangan Padi Kebangsaan 2025 anjuran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian, Malaysia (MARDI) telah diadakan di Raia Hotel Kuching, Sarawak. Persidangan ini membentangkan 28 kertas kerja berkaitan pelbagai isu dalam industri padi di Malaysia.

Objektif Persidangan tersebut adalah untuk:

- i. Menyampaikan maklumat terkini mengenai penemuan dalam kajian dan pembangunan padi dan beras;
- ii. Berkongsi pengetahuan dan idea dalam usaha mengatasi isu dan cabaran dalam industri padi dan beras negara; dan
- iii. Meningkatkan jaringan kerjasama antara penggubal dasar, penyelidik, pegawai pengembangan, petani, pemain industri, usahawan dan lain-lain.

Skop Persidangan merangkumi:

- i. Pemerkasaan Teknologi dan Inovasi Padi dan Beras ke Arah Keterjaminan Makanan Negara;
- ii. Strategi Pengurusan dan Teknologi Mampan Pengeluaran Padi dan Beras;
- iii. Jaringan Kerjasama Agensi dan Swasta dalam Mengukuhkan Industri Padi dan Beras Negara;
- iv. Forum : Reformasi Industri Padi dan Beras untuk Keterjaminan Makanan Negara.

Pegawai-pegawai Jabatan Pertanian yang hadir mengikuti persidangan tersebut ialah Encik Macbeth bin Majilon, Pegawai Pertanian Kanan (Pusat Pengeluaran Bahan Tanaman Kontan, Tenom), Puan Edna Hasreena binti Ahlun, Pegawai Pertanian Kanan (Pusat Pengeluaran Benih Padi, Kota Belud), Puan Jill Megan Chua Mei Chen, Pegawai Penyelidik (Pusat Penyelidikan Pertanian, Tuaran), Puan Dg Rosezzah binti Bakar, Pegawai Penyelidik (Pusat Penyelidikan Pertanian, Tuaran) dan Puan Irene binti Gosibin, Pegawai Pertanian (Seksyen Pengeluaran dan Pengagihan Bahan Tanaman).

BENGGKEL DI BAWAH ANJURAN KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)



12-14 Ogos 2025 (Selasa-Khamis) Bersamaan 19-20 Safar 1447 H, Kota Kinabalu:

Satu Bengkel di bawah anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) diadakan pada 12-14 Ogos 2025 di Grandis Hotel and Resort, Suria Sabah Shopping Mall, Kota Kinabalu.

Bengkel ini dijalankan bagi tujuan penyediaan siri ketiga sasaran perubahan iklim NDC 3.0 Malaysia kepada Perjanjian Paris di bawah Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNFCCC). Antara komponen yang dibincangkan bersama pihak NRES adalah maklumat berkenaan dengan polisi atau pelan tindakan yang wujud di Negeri Sabah yang boleh digunakan untuk membangunkan unjuran pelepasan gas rumah kaca (GHG) dan penilaian tindakan mitigasi pelepasan GHG untuk sektor tenaga, pengangkutan, industri pemprosesan dan penggunaan produk (IPPU), sisa, pertanian, perhutanan dan guna tanah lain sehingga tahun 2035.

Peserta-peserta adalah dari Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan. Turut hadir sebagai peserta mewakili Jabatan Pertanian Sabah ialah Puan Fariza Ismail Celestial, Pegawai Penyelidik (Seksyen Kajian dan Pengurusan Sumber Tanah).

NATIONAL COCONUT SEMINAR 2025 (NCS2025)

13-14 Ogos 2025 (Rabu-Khamis) Bersamaan 19-20 Safar 1447 H, Lahad Datu:

National Coconut Seminar 2025 telah dilaksanakan di Auditorium Rashdan Baba, Universiti Pertanian Malaysia selama dua hari dan dirasmikan oleh YBrs. Encik Jazman Azi Jamalludin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Sekuriti Makanan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dengan gimik pelancaran bersama Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajudin, Pengerusi NCS 2025 dan Dato' Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, Timbalan Pengerusi NCS 2025 pada 13 Ogos 2025.

Seminar anjuran Persatuan Alumni UPM tersebut dilaksanakan sebagai salah satu platform membincangkan *hala tuju (Way Forward)* dalam industri kelapa selain menyalurkan maklumat terkini.

Sebanyak 13 kertas kerja telah dibentangkan, merangkumi topik seperti *Coconut Industry in Malaysia, Coconut Cultivation and Management, Market Outlook and Potential, Coconut Downstream and Market, dan The 'Way Forward'*.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian Sabah yang hadir dalam seminar tersebut ialah Puan Viviana Lasimin, Pegawai Pertanian Kanan (Seksyen Penerangan Pertanian), Encik Eric Ting Kok Siang, Pegawai Pertanian Kanan (Pejabat Pertanian daerah Kudat) dan Encik Mohamad Syahfiq bin Osman, Pegawai Penyelidik (Pusat Penyelidikan Pertanian, Ulu Dusun Sandakan).



Encik Eric Ting Kok Siang, Pegawai Pertanian Kanan (Pejabat Pertanian daerah Kudat), Puan Viviana Lasimin, Pegawai Pertanian Kanan (Seksyen Penerangan Pertanian), dan Encik Mohamad Syahfiq bin Osman, Pegawai Penyelidik (Pusat Penyelidikan Pertanian, Ulu Dusun Sandakan), Pegawai yang telah menghadiri Seminar tersebut.

**KUNJUNGAN HORMAT DATUK PENGARAH KEPADA YANG BERHORMAT
MENTERI KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI
MAKANAN SABAH MENGENAI TAKLIMAT HARI TERBUKA PUSAT
PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN DI PEJABAT
YANG BERHORMAT MENTERI**



YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad dan YB Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan di kunjungan hormat bertempat di pejabat YB Menteri

14 Ogos 2025 (Khamis) Bersamaan 20 Safar 1446 H, Kota Kinabalu:

Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad, Pengarah Pertanian, kepada YB. Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Kitingan, Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI), telah diadakan di Pejabat Menteri, Aras 8, Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Wisma Pertanian Sabah. Kunjungan ini bertujuan untuk memberi penerangan kepada YB Menteri berhubung dengan persiapan dan pelaksanaan Hari Terbuka Pusat Penyelidikan Pertanian (ARC) Tuaran dari segi pengisian program serta penyertaan agensi.

Objektif kunjungan adalah untuk memaklumkan kepada YB Menteri mengenai status persiapan dan pelaksanaan Hari Terbuka ARC Tuaran.

PENGLIBATAN JABATAN DALAM PAMERAN SEMPENA PESTA LABUK BELURAN 2025

16 Ogos 2025 (Sabtu) Bersamaan 22 Safar 1447 H, Beluran:

Acara Perasmian Pesta Labuk Beluran 2025 telah berlangsung pada 16 Ogos 2025 bertempat di Tapak Tamu Fama, Pekan Beluran dan dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.

Jabatan Pertanian Beluran turut mengambil bahagian dalam Pesta Labuk Beluran 2025 dengan mengadakan *booth* pameran. Penyertaan Jabatan melalui pameran ini adalah sebagai usaha mendekatkan perkhidmatan pertanian kepada masyarakat dengan menyalurkan maklumat, memperkenalkan produk usahawan serta memaparkan pelbagai program pembangunan tanaman pertanian yang dilaksanakan di daerah Beluran.

Turut hadir dalam acara perasmian tersebut ialah YB. Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya (JP Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah), YB. Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong (JP Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah), YBhg. Dato' Seri Haji Rosli bin Isi (Setiausaha Persekutuan Sabah), YB Datuk Samad Jambri @ Jamri, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah selaku Pengerusi Penganjur Pesta Labuk 2025 dan Encik Roger Appolonius, Pegawai Daerah Beluran merangkap Pengerusi Pelaksana Pesta Labuk Tahun 2025.



Majlis dirasmikan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah.



"TRAINING WORKSHOP ON MOLECULAR DIAGNOSTIC OF SOUTH AMERICAN LEAF BLIGHT (SALB) OF RUBBER FOR ASIA AND PACIFIC REGION 2025"

18-22 Ogos 2025 (Isnin-Jumaat) Bersamaan 24-28 Safar 1447 H, Selangor:

"Training Workshop on Molecular Diagnostic of South American Leaf Blight (SALB) of Rubber for Asia and Pacific Region 2025" telah diadakan di M World Hotel, Petaling Jaya dan Malaysian Rubber Board, RRIM Research Station Sungai Buloh Selangor pada 18-22 Ogos 2025. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari tersebut dihadiri oleh 20 peserta dari negara-negara anggota Asia and Pacific Plant Protection Commission (APPPC) antaranya Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand, Laos, Bangladesh, Pakistan, Sri Lanka, Nepal dan Fiji.

Bengkel ini memfokus kepada:

- i) Membangunkan "Standard Molecular Protocols" bagi identifikasi patogen penyakit SALB iaitu *Pseudocercospora ulei*
- ii) Membentuk *Technical Working Group* (TWG) yang memfokus kepada perosak dan penyakit tanaman getah bagi wilayah Asia & Pasifik

Penyakit SALB adalah penyakit yang endemik kepada industri getah di negara-negara Amerika Selatan. Setakat ini, negara di rantau Asia dan Pasifik termasuk Malaysia masih bebas daripada penyakit ini. Justeru, bengkel ini diadakan bagi mempersiapkan negara ahli APPPC mendepani isu biosekuriti sekiranya terdapat penularan penyakit SALB pada masa hadapan.

Puan Nurina Hidayati binti Ag. Haiyusup, Pegawai Penyelidik dari Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran, dan Encik Gary Herman, Pegawai Penyelidik dari Pusat Penyelidikan Pertanian Quoin Hill, Tawau, telah hadir mewakili Jabatan Pertanian Sabah.



SEGMENT PERKONGSIAN: “PETANI LOKAL, IMPAK GLOBAL” DARIPADA PENGARAH PERTANIAN SABAH DATUK TS. JIFRIN HAJI MOHAMAD

20 Ogos 2025 (Rabu) Bersamaan 26 Safar 1447 H, Kepyayan:

Sektor Pertanian bukan lagi sekadar memenuhi keperluan tempatan, tetapi sudah menjadi pemacu ekonomi yang menjadi nadi kepada bekalan makanan negara dan kini melangkah ke pentas global. Melalui perkongsian daripada Pengarah Pertanian Sabah YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad dalam segmen “Sini Ada Cerita” pada 20 Ogos 2025 bertempat di SPM TV1 Saluran BES / RTM. Turut hadir bersama Puan Viviana Lasimin (Pegawai Pertanian Kanan).

Dalam segmen tersebut Datuk Pengarah telah berkongsi mengenai tanggungjawab Jabatan Pertanian Sabah dalam membangunkan komoditi tanaman melibatkan tanaman makanan seperti buah-buahan (durian, nanas, avocado, pisang sabah), kelapa, kopi, sayur-sayuran dan tanaman kontan. Fokus utama pembangunan komoditi-komoditi ini adalah untuk memenuhi keperluan domestik sebagai ‘*food security*’. Pada masa kini kadar sara diri (SSR) bagi komoditi durian 100%, nanas 98%, avocado 92%, sayur-sayuran 100% dan kelapa 96%. Selain itu, komoditi-komoditi ini juga mempunyai permintaan yang tinggi di peringkat global contohnya kelapa, nanas, durian, avocado dan sayur-sayuran.

Menurut Datuk Pengarah, bagi memastikan petani tempatan mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi dalam keterlibatan dari aspek pembangunan, pengeluaran dan pemasaran komoditi-komoditi ini, maka perkara-perkara seperti berikut diberi fokus oleh Jabatan Pertanian Sabah untuk memastikan jaminan kualiti dan keselamatan produk melalui penggunaan bahan tanaman yang tulen, berkualiti dan mencukupi serta pengurusan ladang yang baik dan dipersijilkan dengan myGAP atau myOrganic.



TAKLIMAT PENGUKUHAN PERJAWATAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN NEGERI SABAH

21 Ogos 2025 (Khamis) Bersamaan 27 Safar 1447 H, Kota Kinabalu:

Taklimat Pengukuhan Perjawatan Agensi-Ageni Kerajaan Negeri Sabah ini telah disempurnakan oleh Datuk Zainudin bin Aman iaitu (Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah). Turut hadir bersama Tuan Hj. Khairuddin Hj. Saidi (Ketua Pegawai Pentadbiran) dan Puan Hj. Fadzedah Noor binti Gulamhaidar (Pegawai Tadbir Kanan) yang mewakili Jabatan Pertanian Sabah.

Objektif program ini menyentuh aspek pengukuhan perjawatan melibatkan agensi kerajaan persekutuan dan negeri, termasuk agensi kerajaan negeri Sabah, sebagai sebahagian daripada proses penyelarasan dan perancangan dasar sumber manusia dan pekerjaan diperingkat nasional dan negeri.

Pada tarikh tersebut, sesi libat urus telah melibatkan agensi kerajaan dari persekutuan dan negeri termasuk Sabah dan Sarawak, bersama-sama penyedia *platform* digital, persatuan pekerja, majikan, dan kesatuan sekerja. Ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan dasar pekerjaan dan pengurusan modal insan dijalankan secara inklusif dan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan.

Penambahbaikan proses pengisian perjawatan dalam agensi kerajaan negeri, bagi memenuhi keperluan tenaga kerja yang berkesan. Penekanan terhadap integrasi dasar gaji dan manfaat yang selaras dengan keadaan ekonomi semasa dan jangka panjang, untuk menjamin keselesaan dan motivasi kakitangan kerajaan. Kajian semula dasar dan pelaksanaan yang meliputi keseimbangan antara melanjutkan perkhidmatan kakitangan berpengalaman dan memberi peluang kepada generasi muda.

Antara tumpuan lain termasuk pengisian kekosongan tenaga perubatan dan sosial dalam sektor awam negeri Sabah melalui pelbagai inisiatif, serta program kesihatan berterusan bagi menjaga kesejahteraan kakitangan kerajaan dan komuniti, yang turut dibincangkan dalam peringkat nasional dengan kerjasama agensi kerajaan negeri. Secara keseluruhan, taklimat ini merupakan satu proses penting dalam memastikan perjawatan agensi kerajaan negeri Sabah berada dalam keadaan yang kukuh, diselaraskan dengan strategi pembangunan nasional dan memenuhi keperluan masa depan perkhidmatan awam, menjadikan ia lebih cekap, profesional, dan responsif kepada cabaran semasa dan akan datang.



SIMPOSIUM BIOKESELAMATAN SEMPENA KEPENGERUSIAN ASEAN 2025 DI SHAH ALAM



21 Ogos 2025 (Khamis) Bersamaan 27 Safar 1447 H, Shah Alam:

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Biokeselamatan (JBK) buat julung kalinya menganjurkan Simposium Biokeselamatan bersempena Kepengerusian ASEAN 2025 Malaysia bertemakan "Memperkasakan Biokeselamatan untuk Kelestarian Masa Hadapan".

Simposium ini telah dirasmikan oleh Menteri Perladangan dan Komoditi Memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB. Datuk Seri Johari Abdul Ghani di Hotel DoubleTree by Hilton, I-City, Shah Alam, Selangor. Turut hadir, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB. Dato' Sri Huang Tiong Sii serta Ketua Setiausaha NRES, Datuk Dr. Ching Thoo a / I Kim. Turut hadir mewakili Jabatan Pertanian Sabah Puan Zazazirah Yahya (Pegawai Pertanian), Puan Vivian Patrick (Pegawai Penyelidik) dan Encik McMarshall M. Ongkudon (Pegawai Penyelidik)

Objektif utama program symposium ini, mempertingkatkan rangkaian biokeselamatan pihak berkepentingan, mempamerkan hasil kajian bioteknologi moden serta meningkatkan kesedaran awam mengenai biokeselamatan. Antara isi penting yang telah disampaikan oleh YB. Dato' Sri Huang Tiong Sii, pembangunan kapasiti serta perkongsian kerjasama rentas agensi akan diperkasa bagi memperkukuhkan penguatkuasaan biokeselamatan khususnya di sempadan dan pintu masuk negara.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) YB. Dato' Sri Huang Tiong Sii berkata, langkah itu penting untuk memastikan pemuliharaan biodiversiti, menjamin keselamatan makanan dan menjaga kesihatan awam. Menurut beliau, ketika ini hanya sebilangan kecil Pegawai Teknikal dan Saintis bertauliah memiliki kepakaran dalam menilai risiko terhadap Organisma yang diubahsuai Secara Genetik (GMO).

YB. Dato' Sri Huang Tiong Sii turut menegaskan komitmen Malaysia sebagai peneraju serantau dalam aspek biokeselamatan, seiring usaha Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) mencapai pembangunan mampan dan masa depan yang lebih selamat. Simposium Biokeselamatan ini, menjadi platform perkongsian ilmu serta mengukuhkan komitmen Malaysia untuk memastikan aspek biokeselamatan terus diberi perhatian.

KURSUS TRANSFORMASI TEKNOLOGI TANAMAN KOPI DAERAH KOTA BELUD



21 Ogos 2025 (Khamis) Bersamaan 27 Safar 1447 H, Kota Belud:

Seramai 100 peserta berjaya mendaftar dan mengikuti Kursus Transformasi Teknologi Tanaman Kopi yang diadakan di Dewan Kanso, Kg. Kiau Taburi Kota Belud.

Objektif kursus ini diadakan untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai Pengurusan Agronomi Tanaman Kopi, Pengurusan Perosak dan Penyakit Tanaman Kopi, Latih amal Pemangkasan Kopi di ladang, Skim Pensijilan Ladang myGAP dan myOrganic, Pengendalian Tuai dan Pemprosesan Produk Hiliran Kopi dan akhir sekali Penjenamaan dan Pembungkusan Produk Hiliran Kopi.

Fasilitator yang terlibat kursus ini ialah Encik Rosli Ag. Said (Penolong Pegawai Pertanian Kanan Unit Pengurusan Perosak, SPTTP), Puan Elvera Petrus (Penolong Pegawai Pertanian Unit Pensijilan Ladang, SPTTP), Puan Equerin Jakol (Penolong Pegawai Pertanian, Seksyen Teknologi Makanan dan Lepas Tuai, Pusat Penyelidikan Tuaran) dan Puan Norshilah Rebid (Penolong Pegawai Pertanian, Seksyen Pembangunan Usahawan dan Industri Makanan).

Majlis Perasmian Kursus ini telah disempurnakan oleh Encik Jackson R. Jaimi, Timbalan Pengarah Pertanian Bahagian Pengembangan dan Pembangunan Industri Makanan selaku mewakili Pengarah Pertanian Sabah, YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad.

Turut hadir, Puan Rusnani Hj. Ahmad, (Penolong Pengarah Pertanian Seksyen Pembangunan Industri Tanaman), Puan Nurul Syierah Tasim (Penolong Pengarah Pertanian, Seksyen Perancangan dan Pengurusan Daerah), Encik Adrian Laponan (Penolong Pengarah Penyelidik, Pusat Penyelidikan Pertanian, Lagud Sebrang Tenom) dan Encik Ahmad Petri Hj. Karbain (Pegawai Pertanian Kanan Pejabat Pertanian daerah Kota Belud).

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pejabat Pertanian daerah Kota Belud dan Seksyen-seksyen yang terlibat.



Sepanjang Kursus Transformasi Teknologi Tanaman Kopi Daerah Kota Belud

HARI BERTEMU PELANGGAN JABATAN PERTANIAN DAERAH TAWAU

22-24 Ogos 2025 (Jumaat-Ahad) Bersamaan 28-30 Safar 1447 H, Tawau:

Hari Bertemu Pelanggan Jabatan Pertanian daerah Tawau telah berlangsung selama dua hari iaitu pada 22 hingga 24 Ogos 2025 di Tapak Tamu Sabindo, Tawau bertujuan untuk memudahkan golongan sasaran, terutamanya petani dan pengusaha pertanian mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan daripada Jabatan Pertanian di samping bertujuan untuk mendekatkan perkhidmatan Jabatan Pertanian dengan pelanggan di peringkat akar umbi.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan pada hari tersebut ialah :

- i. Menyampaikan maklumat mengenai perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian Sabah secara amnya dan Pejabat Pertanian Daerah Tawau secara khusus.
- ii. Menyampaikan Sijil myGAP dan myOrganic kepada para pengusaha yang berjaya dianugerahkan pensijilan ladang.
- iii. Memperkenalkan Nanas MD2 dengan memberikan sampel Nanas MD2 (segar) kepada para pengunjung.
- iv. Memperkenalkan lain-lain tanaman yang berdaya saing seperti Durian Musang King dan Avocado Quoin Sabah.

Pada hari tersebut, semua kakitangan Pejabat Pertanian Tawau yang diketuai oleh Tuan Haji Abd. Samat Injau, Penolong Pengarah Pertanian (Pejabat Pertanian daerah Tawau dan Kalabakan) hadir bertugas dalam menyampaikan aktiviti-aktiviti kepada golongan sasaran iaitu orang awam terutamanya para petani dan pengusaha pertanian.



PENGLIBATAN JABATAN DALAM PAMERAN & JUALAN SEMPENA PROGRAM PUSAT SEHENTI SMJ KOTA BELUD DAN PROGRAM RAMAH MESRA KOMUNITI



22-24 Ogos 2025 (Jumaat-Ahad) Bersamaan 28-30 Safar 1447 H, Kota Belud:

Program Pusat Sehati Sabah Maju Jaya (SMJ) Kota Belud & Program Ramah Mesra Komuniti SMJ (Sabah Maju Jaya) bersama YAB Datuk Seri Panglima Hj Hajiji bin Haji Noor Ketua Menteri Sabah bagi Program Menoktahkan Kemiskinan & Miskin Tegar Negeri Sabah. Jabatan Pertanian Sabah yang diwakili oleh Pejabat Pertanian daerah Kota Belud merupakan salah satu pempamer bersama agensi lain di bawah Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI).

Jabatan Pertanian Kota Belud turut mempamerkan beberapa poster mengenai penyakit, perosak tanaman padi, projek satelit benih padi, myGAP, pembangunan tanaman industri dan daftar pengusaha. Ini adalah salah satu platform pengenalan kepada aktiviti-aktiviti serta program-program Jabatan Pertanian Sabah kepada pengunjung.

Di samping itu, antara jualan produk-produk daripada pengusaha dan bahan tanaman daripada Jabatan Pertanian Sabah seperti, buah mangga chokanan, jagung manis, madu lebah daripada Institut Pertanian Sabah (IPS) serta produk-produk daripada pengusaha IMAT seperti sambal, kuih cincin dan lekor. Hasil pendapatan jualan yang telah diperolehi daripada program ini sangat memberangsangkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung.

Pada hari kedua program bertarih 23 Ogos 2025 hasil pendapatan jualan sebanyak RM1,150.00 manakala hasil pendapatan jualan yang diperolehi pada hari ketiga program tersebut bertarih 24 Ogos 2025 sebanyak RM450.00 Jumlah keseluruhan hasil jualan yang diperolehi pada kedua-dua tarikh tersebut berjumlah RM1,600.00. Melalui program sebegini Jabatan Pertanian Sabah dapat meningkatkan hasil jualan produk-produk keluaran daripada pengusaha dan juga produk-produk daripada Jabatan Pertanian Sabah sendiri yang berkualiti dan terjamin bermutu tinggi.

LAWATAN YB DATUK PETO GALIM PEMBANTU MENTERI II KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH KE PLOT PENYELIDIKAN PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN

23 Ogos 2025 (Sabtu) Bersamaan 29 Safar 1447 H, Tuaran:

Sempena Hari Terbuka Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran, sebelum acara perasmian, YB. Datuk Peto Galim, Pembantu Menteri II, Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah, berkesempatan melawat Plot Penyelidikan Padi TR 11 dan Plot Demonstrasi Tanaman Bawang. Beliau diiringi oleh YBhg. Datuk Ts. Jifrin Haji Mohamad, Pengarah Pertanian Sabah.

Dalam lawatan tersebut, Encik Mohd. Sabrie bin Salim (Pegawai Penyelidik Kanan) dan Puan Rosalia Ginsos (Pegawai Penyelidik Kanan) masing-masing memberikan taklimat ringkas mengenai Padi TR 11 dan tanaman bawang.



Melawat Plot Penyelidikan Padi TR 11



Melawat Plot Demo Tanaman Bawang

MAJLIS PERASMIAN HARI TERBUKA PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN TUARAN



Yang Berhormat Datuk Peto Galim merasmikan Majlis



YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad

23 Ogos 2025 (Sabtu) Bersamaan 29 Safar 1447 H, Tuaran:

Hari Terbuka Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran telah membuka tirainya pada 23 Ogos 2025 bertempat di Kompleks Pertanian Tuaran. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Peto Galim, Pembantu Menteri II Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah bagi mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah. Turut hadir, Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Pengerusi *Forest Plantation Development Sdn. Bhd.* serta Puan Maria David Edick, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah.

Dua varieti padi baharu hasil daripada penyelidikan Jabatan Pertanian Sabah diperkenalkan iaitu varieti padi sawah TR 11 (Padi Wangi Kinabalu) dan padi tanah kering TDR 1 (Parai Tindal). Kedua-dua varieti ini berpotensi besar ditanam secara komersial yang lebih mampan dan menguntungkan. Jabatan turut melancarkan Buku Teknologi Padi Tanah Kering sebagai panduan kepada petani penanam padi tanah kering khususnya di Sabah. Sempena pelancaran varieti padi baharu ini, penyerahan benih padi varieti TR 11 turut diberikan kepada pengusaha pertanian dan Government Linked Companies (GLC) yang terlibat dalam industri padi di Sabah.

Varieti padi TR 11 ini berpotensi menghasilkan 6.5 hingga 10.3 metrik tan per hektar, tempoh masa matang lebih singkat serta mempunyai daya tahan yang tinggi terhadap serangan penyakit dan perosak utama. Bagi varieti TDR 1 pula, ia kali pertama dikeluarkan Jabatan Pertanian Sabah selaku varieti padi ke-24 yang akan dilancarkan. Padi ini mempunyai banyak kelebihan kerana tempoh kematangan lebih singkat serta berpotensi mencapai 3.0 hingga 4.0 metrik tan per hektar.

Dari segi kualiti pula, TDR 1 menghasilkan beras berwarna keperangan, beraroma dan kualiti rasa yang baik selain turut mempunyai daya tahan terhadap serangan penyakit, katanya. YB Datuk Peto Galim berkata dalam ucapannya, kedua-dua varieti padi baharu ini berpotensi besar ditanam secara komersial dengan lebih mampan lagi serta menguntungkan.



LAWATAN KERJA RASMI DATUK PENGARAH BERSAMA ROMBONGAN KE TAWAU

26 Ogos 2025 (Selasa) Bersamaan 5 Rabiulawal 1447 H, Tawau:

Satu lawatan kerja rasmi oleh YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad, Pengarah Pertanian Sabah bersama rombongan ke Tawau telah diadakan. Turut hadir dalam lawatan tersebut ialah Encik Jackson R. Jaimi, Timbalan Pengarah Pertanian (Bahagian Pengembangan dan Pembangunan Industri Tanaman), ChM. Puan Alinah Abd. Rahman, Timbalan Pengarah Pertanian (Bahagian Penyelidikan dan Inovasi), Puan Linda @ Lily Cosmas, Ketua Penolong Pengarah Pertanian (Seksyen Pengembangan dan Transformasi Teknologi Pertanian) Tuan Hj. Khairudin bin Hj. Saidi, Ketua Pegawai Pentadbiran (Seksyen Pentadbiran Sumber Manusia), Tuan Hj. Abd. Samat Hj. Injau @ Abd. Maash, Penolong Pengarah Pertanian (daerah Tawau dan Kalabakan) Encik Jakim Barin, Penolong Pengarah Penyelidik (Pusat Penyelidikan Pertanian, Bukit Quoin Tawau), serta beberapa Pegawai Pertanian Kanan.

Antara tempat yang dilawati termasuklah:

1. Kuarters perumahan yang telah terbakar di ARC Quoin Hill, Tawau;
2. Kawasan dan pokok induk tarap di ARC Quoin Hill, Tawau;
3. Plot penyelidikan tanaman nanas SVS di ARC Quoin Hill, Tawau;
4. Kawasan penanaman bawang (1 ekar) di Stesen Pertanian Tawau;
5. Kawasan penanaman nanas SVS (2 ha) di Stesen Pertanian Tawau.





KUNJUNGAN RASMI BAHAGIAN BELANJAWAN DAN KEWANGAN JABATAN PERHUTANAN SABAH KE SEKSYEN KEWANGAN



26 Ogos 2025 (Selasa) Bersamaan 2 Rabiulawal 1447 H, Ibu Pejabat:

Jabatan Pertanian telah menerima kunjungan rasmi daripada Bahagian Belanjawan dan Kewangan Jabatan Perhutanan Sabah ke Seksyen Kewangan bagi sesi perkongsian ilmu berkaitan pengurusan kewangan. Antara yang terlibat dalam lawatan tersebut wakil daripada Jabatan Perhutanan Sabah Puan Dayang Juridah binti Ag. Kasip (Ketua Akauntan W12). Puan Alizah binti Ali (Ketua Akauntan W12) mewakili Jabatan Pertanian Sabah menyambut mesra kunjungan rasmi tersebut.

Lawatan ini telah memberi ruang bertukar pandangan mengenai perakaunan hasil, perbelanjaan, tuntutan dan pelaporan kewangan. Sesi ini diharap dapat meningkatkan kefahaman serta kecekapan pengurusan kewangan, selain memberi pendedahan berguna kepada pegawai dan kakitangan dalam mengaplikasikan amalan terbaik kewangan di Jabatan Pertanian Sabah. Selain itu, dapat mewujudkan interaksi positif di dalam kalangan kakitangan bagi membentuk semangat kerja secara kolaborasi dan untuk mengeratkan hubungan silaturahim.

29 Ogos 2025 (Selasa) Bersamaan 5 Rabiulawal 1447 H, Putrajaya:

Mesyuarat Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia Bil. 2/2025 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Mahathar Abd Wahab. Turut hadir ialah pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia, iaitu Ts. Zailina binti Abdul Majid (Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Keselamatan dan Kualiti Makanan) dan Puan Sharizat binti Hj. Ahmad (Pengarah, Dasar, Perancangan Strategik dan Standard Codex), yang juga merupakan setiausaha majlis.

Agenda mesyuarat pada kali ini adalah seperti berikut:

1. Penilaian permohonan:
 - i. Pendaftaran juruanalisis makanan
 - ii. Tambahan bidang analisis makanan
 - iii. Cetakan semula perakuan pendaftaran
 - iv. Rayuan permohonan pendaftaran juruanalisis makanan ditolak.
2. Perbincangan:
 - i. Draf Garis Panduan Keperluan Asas Analisis Makanan
 - ii. Draf Garis Panduan Keperluan Asas Juruanalisis Makanan Berdaftar sebagai *Approved Signatory* di bawah ISO/IEC 17025

Pada mesyuarat kali ini juga, satu garis panduan iaitu 'Garis Panduan Kelakuan dan Etika Profesional Juruanalisis Makanan Berdaftar' telah diperkenalkan. Garis panduan ini telah diluluskan majlis pada 16 Mac 2020 dan penambahbaikan garis panduan telah diluluskan pada 16 Mei 2024.

Ahli-ahli majlis yang turut hadir ialah:

- Prof. Ts. Dr. Wan Aida binti Wan Mustapha
(Profesor, Jabatan Sains Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia)

- Dr. Nurul Shazini binti Ramli (Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putera Malaysia)
 - Encik Hussalmizzar Hussain (Pengarah Kanan Bahagian Standardisasi, Jabatan Standard Malaysia)
 - Dr. Uma Priya Kupusamy (Pegawai Sains, Jabatan Kimia Malaysia)
 - Puan Nur Diyana binti Yusoff (Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran, Jabatan Pertanian Sabah)
 - Prof. Madya Dr. Lim Seng Joe (Ahli Profesional, Institut Teknologi Makanan Malaysia (MIFT))
- ChM. Nyeoh Yeong Sheng (Pengurus Kualiti, MY CO2 (KL) Sdn. Bhd.)



PROGRAM LARIAN MERDEKA 2025

29 Ogos 2025 (Selasa) Bersamaan 5 Rabiulawal 1447 H, Sandakan:

Program Larian Merdeka 2025 anjuran Badan Kebajikan dan Sosial (BKDS), Pusat Penyelidikan Pertanian, Ulu Dusun Sandakan, telah diadakan di Dewan Serbaguna pusat tersebut. Program ini diadakan sempena bulan Kemerdekaan dan Hari Sabah, selain bertujuan meningkatkan indeks kegembiraan dalam kalangan warga ARC Ulu Dusun.

Encik Jutom Ongkosing, Penolong Pengarah Penyelidik, Pusat Penyelidikan Pertanian, Ulu Dusun, Sandakan, telah merasmikan program tersebut. Warga ARC Ulu Dusun yang terdiri daripada kakitangan dan pekerja sambilan harian, bersama ahli-ahli Kelab Sukan dan Rekreasi Cawangan Sandakan, turut hadir memeriahkan program itu.

Objektif Program Larian Merdeka 2025 adalah untuk:

- i. Menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan warga ARC Ulu Dusun sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan;
- ii. Mengeratkan silaturahim dan kerjasama antara warga ARC Ulu Dusun dalam suasana harmoni di luar tugas harian; dan
- iii. Menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan warga ARC Ulu Dusun melalui aktiviti fizikal yang bermanfaat dan bermakna.



MAJLIS JASAMU DIKENANG PUAN ROSNI LEONG



29 Ogos 2025 (Jumaat) Bersamaan 5 Rabiulawal 1447 H, Ibu Pejabat:

Majlis jasamu dikenang bersama Puan Rosni Leong (Setiausaha Pengarah Pertanian) ini telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pengurusan pada 29 ogos 2025, bagi memberikan penghargaan serta terima kasih diatas segala sumbangan, pengorbanan dan curahan baktinya amatlah dihargai selama berkhidmat di Jabatan Pertanian Sabah. Majlis ini diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad (Pengarah Pertanian Sabah) bersama Timbalan-timbalan Pengarah Pertanian Sabah serta kakitangan yang turut hadir memeriahkan majlis.

Sedikit Pantun Kenangan buat Puan

Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Intai kami antara nampak,
Esok jangan rindu-rinduan.

Kalau ada pauh didaik,
Bawa sebiji ke tanah seberang,
Kalau ada budi yang baik,
Sampai mati dikenang orang.

Selamat bersara buat Puan Rosni Leong semoga beroleh kehidupan yang diberkahi dan dilimpahkan rezeki serta kesihatan yang baik.

PENGLIBATAN JABATAN PERTANIAN SABAH SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-68 DAN HARI SABAH KE-62



31 Ogos 2025 (Ahad) Bersamaan 7 Rabiulawal 1447 H, Ibu Pejabat:

Sambutan Hari Kebangsaan tahun ini amat bermakna kerana Sabah turut meraikan bersama Hari Sabah setelah Kerajaan Negeri mewartakannya untuk memperingati hari bersejarah itu pada Jun lalu. Dalam meraikan kemerdekaan ke-68, Malaysia sekali lagi memilih tema yang penuh bermakna untuk sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 iaitu 'Malaysia Madani Rakyat Disantuni'. Pemilihan tema ini bukanlah slogan semata-mata tetapi mencerminkan keutamaan dalam memastikan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara sejajar dengan aspirasi Malaysia Madani yang menjunjung nilai perpaduan, keadilan dan kesejahteraan untuk semua. Hari kemerdekaan Malaysia ke-68 dan hari Sabah ke-62 telah disambut serentak pada 31 Ogos 2025 yang diadakan di Dataran Bandaraya, Jalan Tun Fuad Stephens, Kota Kinabalu. Seramai 20 orang kakitangan mengikuti perbarisan mewakili kontinjen Jabatan Pertanian Sabah yang terdiri dari gabungan Pejabat Pertanian Barat Selatan dan Kontinjen ini diketuai oleh Encik Mohd Zahir Zainal (Pegawai Pertanian Kanan, Pejabat Pertanian Daerah Papar).

Kehadiran YBhg. Datuk Ts. Jifrin Hj. Mohamad (Pengarah Pertanian Sabah) hadir menyaksikan Sambutan ini sebagai tetamu jemputan. Turut hadir mewakili ialah, Encik Jackson R. Jaimi (Timbalan Pengarah Pertanian, Pengembangan dan Pembangunan Industri Tanaman), Puan Zarinah Hj. Ali (Timbalan Pengarah Pertanian, Dasar dan Perancangan Strategik), Tuan Hj. Khairudin Hj. Saidi (Ketua Pegawai Pentadbir, Seksyen Pentadbiran Sumber Manusia), Encik Saplin Jani (Ketua Penolong Pengarah Pertanian, Seksyen Belanjawan), Puan Jovita N Joseph (Penolong Pengarah Pertanian, Seksyen Biosekuriti & Kuarantin Tumbuhan), Puan Janet Grace Asing (Penolong Pengarah Pertanian, Seksyen Pembangunan Usahawan & Industri Makanan), Encik Zainal Abidin bin Hj. Mohamad (Penolong Pengarah Pertanian, Seksyen Taman Kekal Pengeluaran Makanan) serta pegawai-pegawai kanan jabatan yang lain.

SUMBANGAN ARTIKEL

Tuan-tuan dan Puan-puan adalah dipelawa untuk menyumbang bahan berita dan gambar dalam bentuk berita/ aktiviti semasa untuk disiarkan di dalam ZOOMTANI Jabatan Pertanian Sabah. Sila hantarkan penulisan anda kepada kami melalui email kepada:

Diviana.Lasimin@sabah.gov.my

Fidelia.Johny@sabah.gov.my

Terima Kasih

Kepada yang telah menyumbangkan bahan berita dan gambar bagi menjayakan terbitan Jabatan, budi baik anda amatlah dihargai.